From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 7 July, 2022 9:24:09 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ICC Talk Fokus Pembangunan 'Lean Model' Untuk Komersial Produk

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JULAI 2022 / 7 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Khofizhoah Mohd Karim
Gambar oleh: ICC

ICC TALK FOKUS PEMBANGUNAN *'LEAN MODEL'* UNTUK KOMERSIAL PRODUK



UUM ONLINE: Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah menganjurkan sesi perkongsian ilmu bertajuk '*Productisation of Services: Tips and Tricks for Social Scientists'*, baru-baru ini.

Sesi perkongsian bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir Omar itu memberi fokus kepada kepada pembangunan *'Lean Model'* bagi pengkomersialan produk/servis yang dihasilkan oleh penyelidik UUM dan penyelidik institusi luar.

Pengarah ICC, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Faizal Omar berkata, sesi perkongsian itu sangat bermakna kepada semua staf kerana ICC menjemput pakar yang mempunyai ilmu dalam pengkomersialan produk.

“Kita sangat berbesar hati dengan kesudian Prof. Dr. Mohd Shahir untuk berkongsi ilmu berkaitan pengkomersialan produk dan bagaimana untuk mengatasi cabaran dalam mengkomersialkan produk.

“Program ini berlangsung dalam dua sesi yang mana sesi pertama diadakan di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen dan sesi kedua diadakan di EDC UUM. Sesi pertama secara perkongsian ilmu dan sesi kedua pula lebih menarik kerana diadakan secara ‘*coaching’*,” katanya.

ICC Talk ini disertai oleh lebih 30 orang peserta terdiri daripada pelajar, penyelidik UUM dan peserta dari institusi luar.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.